

10 MAR 1999

Pegum

KERTAS CADANGAN PEMBENTUKAN PANEL PEGUAM UMNO SUDAH SIAP

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Kertas cadangan bagi pembentukan panel peguam Umno sudah siap dan akan dibentangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi parti yang akan datang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata kertas cadangan itu antara lain memperincikan dengan jelas langkah yang akan diambil terhadap kecaman jahat dan tuduhan yang dilempar terhadap kerajaan dan pemimpin parti, sama ada dari dalam atau luar negara.

Selain itu, sebuah jawatankuasa petugas dicadang dibentuk bagi mengumpul segala bukti yang ada berhubung perkara itu sebelum ia diserahkan kepada jawatankuasa pusat, yang akan dianggotai peguam anggota Umno yang dilantik, untuk penelitian.

Setelah bukti-bukti itu diteliti, ia akan dibawa kepada panel peguam berkenaan untuk tindakan lanjut, katanya ketika ditemui selepas mesyuarat dengan para pegawai tinggi kehakiman di sini, hari ini.

Ibrahim, yang bertanggungjawab ke atas portfolio undang-undang, berkata pihaknya menerima antara 50 dan 60 surat tawaran daripada firma guaman yang berminat menganggotai panel itu.

Keputusan mengenai berapa ramai peguam yang dilantik akan diputuskan pada mesyuarat MT itu kelak, katanya lagi.

Penubuhan panel itu diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Naib Presiden Umno, pada 6 Feb lepas.

Ibrahim berkata kertas cadangan itu juga turut mengandungi syor agar Peguam Negara menyemak semula undang-undang berkaitan saman malu untuk menjadikannya lebih berkesan bagi menangkis fitnah jahat yang mencemarkan kredibiliti pemimpin dan kerajaan.

Semakan itu termasuk bagi mengadakan undang-undang jenayah yang khusus mengenainya, serta hukuman-hukuman yang berat bagi mereka yang bersalah, katanya.

"Kita mahu agar kesalahan yang dilakukan itu membawa kesan kepada pelakunya kerana tindakan secara sivil yang diambil sekarang hanya memperuntukkan pemberian injunksi dan ganti rugi kepada pihak yang difitnah. Kedua-dua ini sahaja tidak mencukupi," katanya.

Ibrahim berkata beliau akan menghantar dan menjelaskan kandungan kertas cadangan itu kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah, yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden serta Setiausaha Agung parti, Datuk Seri abbaruddin Chik.

-- BERNAMA

RA RON